

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[PARIT SULONG - BN]**

**SOALAN (NO. 95)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status persediaan pihak Kementerian sebagai tuan rumah Sukan SEA 2017 dan apakah sasaran yang ditetapkan pihak Kementerian terhadap atlet yang bertanding.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telahpun menubuhkan Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Ke-29 Kuala Lumpur 2017 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan membabitkan 15 jawatankuasa kecil dalam memastikan persediaan awal setiap aspek penganjuran temasya terbesar di Asia Tenggara itu dapat dirancang dan dilaksanakan sebaik mungkin. Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh wakil kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan berkaitan termasuk Majlis Olimpik Malaysia (MOM).
2. Buat masa sebanyak 34 jenis sukan yang dicadangkan untuk dipertandingkan di temasya Sukan SEA Ke-29 telah pun diluluskan semasa Mesyuarat Persekutuan Sukan SEA (SGF) yang diadakan di Kuala Lumpur pada 23 dan 24 Februari 2016 yang lalu. Walau bagaimanapun beberapa lagi jenis sukan atau acara dijangka akan disenaraikan untuk dipertandingkan selepas pihak MOM menerima rayuan yang dikemukakan oleh negara-negara bertanding dan akan diputuskan secara muktamad pada Mesyuarat SGF berikutnya yang dijadualkan pada 13 dan 14 Julai 2016.
3. Temasya Sukan SEA Ke-29 Kuala Lumpur 2017 kali ini juga tidak akan membabitkan sebarang pembinaan venue baru sebaliknya menggunakan kemudahan sedia ada kecuali pembinaan velodrom di Nilai, Negeri Sembilan yang telah dirancang dan diputuskan lebih awal pembinaannya. Beberapa kemudahan sukan sedia ada

kini sedang menjalani proses penambahbaikan atau naik taraf termasuk Kompleks Sukan Negara dan venue-venue di bawah agensi-agensi kerajaan lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya.

4. Kebanyakan acara sukan akan tertumpu di kawasan Lembah Kelang yang dibahagikan kepada beberapa kluster iaitu Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kompleks Sukan Bukit Kiara, Dataran Merdeka serta sekitar Putrajaya. Pusat Perahu Layar Langkawi, Kedah merupakan satu-satunya venue di luar Lembah Kelang bagi sukan Pelayaran.
5. KBS melalui Majlis Sukan Negara telah meletakkan sasaran kepada kontinjen negara untuk menjadi Juara Keseluruhan di Temasya Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur pada tahun 2017 akan datang. Untuk tujuan tersebut, Program KITA JUARA 2017 telah pun dilancarkan oleh YB Menteri Belia Dan Sukan pada 7 September 2015 yang membariskan seramai 755 orang atlet dan 105 jurulatih sebagai persiapan program latihan atlet untuk mencapai sasaran tersebut.

Sekian, terima kasih.